

## APLIKASI KAEDAH *AL-ZAJR BI AL-HAJR* SEBAGAI PENDEKATAN MENANGANI ISU LGBT DI MALAYSIA

### THE APPLICATION OF THE PRINCIPLE OF *AL-ZAJR BI AL-HAJR* AS AN APPROACH TO DEALING WITH LGBT ISSUES IN MALAYSIA

<sup>i</sup>Sharul Fitry Abdul Majid, <sup>ii</sup>\*Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & <sup>iii</sup>Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin

<sup>i</sup>\*Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>ii</sup>Academy of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

<sup>iii</sup>Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [muhammadtalhah.j@utm.my](mailto:muhammadtalhah.j@utm.my)

#### Article history:

Submission date: 29 Aug 2023  
Received in revised form: 5 May 2024  
Acceptance date: 28 May 2024  
Available online: 28 December 2024

#### Keywords:

LGBT, boycott, *al-zajr bi al-hajr*, kaedah pemuluan

#### Funding:

This article has been partially funded by Universiti Teknologi Malaysia under the UTM Encouragement Research Grant scheme (Q.J130000.3853.31J43) with Reference No: PY/2022/03887.

#### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

#### Cite as:

Abdul Majid, S. F., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Wan Khairuldin, W. M. K. F. (2024). Aplikasi kaedah *al-zajr bi al-hajr* (pencegahan melalui pemuluan) sebagai pendekatan menangani isu LGBT di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 598-608. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.520>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my).

#### ABSTRACT

Lesbian, gay, bisexual and transgender (LGBT) people are increasingly active in Malaysia and are a cause for concern. Various campaigns and events are held to promote and normalise this contrasting culture in the community. The slogan of human rights (HAM) is misused to call for the recognition and equality of rights locally and internationally. Therefore, this study aims to explore the approach of *al-zajr bi al-hajr* (prevention through boycott) in Islam and to analyse the compatibility of this approach in dealing with LGBT symptoms in Malaysia. The methodology of this study utilised a qualitative approach through exploration. Data were collected through documentation and structured interviews. The findings of this study concluded that the method of *al-zajr bi al-hajr* is an important approach to prevent people from making mistakes or repeating them in the future. One of the subdivisions of *al-hajr* is the approach of boycott or ostracism, which has been practised from the time of Rasulullah SAW to the present day. This study outlines an approach that can be used for LGBT individuals who wish to change through isolation, through regular programmes such as mukhayyam and religious education. For the vocal LGBT groups, on the other hand, the appropriate approach is isolation through law enforcement, economic boycotts and the imposition of restrictions on the real and virtual platform. Overall, *al-zajr bi al-hajr* is an approach that can be applied to LGBT issues in Malaysia depending on the group's current situation. Authorities, non-governmental organisations (NGOs) and the community at large are encouraged to apply this method in addition to existing methods to deal wisely with LGBT issues in Malaysia.

## ABSTRAK

Golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) kini semakin aktif hingga menimbulkan kebimbangan di Malaysia. Pelbagai kempen dan himpunan dilakukan untuk mempromosikan serta menormalisasikan budaya yang bertentangan ini kepada masyarakat. Slogan Hak Asasi Manusia (HAM) disalahguna bagi menuntut pengiktirafan dan kesamarataan hak di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis pendekatan *al-zajr bi al-hajr* (pencegahan melalui pemuluan) di dalam Islam dan menganalisis kesesuaian pendekatan ini dalam menangani gejala LGBT di Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui eksplorasi. Data dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi dan temu bual berstruktur. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa kaedah *al-zajr bi al-hajr* merupakan pendekatan yang penting untuk mencegah manusia daripada melakukan kesalahan atau mengulangi kesalahan di masa depan. Salah satu cabang *al-hajr* adalah melalui pendekatan boikot atau pemuluan yang telah dilakukan sejak zaman Rasulullah SAW hingga kini. Kajian ini menggariskan pendekatan yang boleh digunakan terhadap golongan LGBT yang ingin berubah dengan melalui pengasingan melalui program berkala seperti *mukhayyam* dan kelas pengajian agama. Manakala, bagi golongan LGBT yang lebih tegar, pendekatan yang sesuai adalah pengasingan melalui penguatkuasaan undang-undang, boikot ekonomi, dan pelaksanaan sekatan di alam realiti dan alam maya. Secara keseluruhannya, *al-zajr bi al-hajr* merupakan pendekatan yang dapat diterapkan untuk menangani gejala LGBT di Malaysia mengikut keadaan semasa golongan tersebut. Pihak berkuasa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan seluruh masyarakat digalakkan menggunakan kaedah ini sebagai tambahan kepada kaedah sedia ada untuk menangani isu LGBT di Malaysia dengan hikmah.

### Pendahuluan

Fenomena LGBT telah lama bertapak di Malaysia hingga terdapat pelbagai organisasi dan pertubuhan yang ditubuhkan secara tersusun dan terancang. Buktinya, Zakaria dan Dollah (2012) menyatakan gerakan LGBT merupakan gerakan diskriminasi bentuk baru atas nama hak asasi. Mereka menggunakan hak asasi manusia untuk mempertahankan perbuatan mereka. Mereka bertindak mencerca syariah, perundangan Malaysia, asas moral, kesucian agama, malah menggugat ketenteraman awam dan keamanan negara.

Selain itu, golongan LGBT juga telah mengambil kesempatan dalam Himpunan Hari Wanita Antarabangsa 2019 dengan berarak mengangkat sepanduk dan poster bagi mempromosikan budaya songsang ini (Akmal Dunya, 2019). Kamarudin (2019) menyatakan himpunan ini melibatkan lebih 1000 orang aktivis dan turut disertai beberapa NGO seperti *Sisters In Islam* (SIS) dan *Women's Aid Organization* (WAO). Selain mengibarkan bendera warna pelangi yang menjadi simbol kepada gerakan LGBT sedunia, golongan LGBT ini turut melaungkan slogan penghapusan diskriminasi jantina dan keganasan terhadap wanita serta menuntut kesaksamaan gender. Bahkan, peristiwa yang baru berlangsung pada 13 Mac 2023 telah membuktikan individu transgender di Malaysia serius untuk meluaskan pengaruh mereka ke dalam masyarakat. Pada hari tersebut, sejumlah 150 orang berkumpul dan berarak dari Kompleks SOGO ke Dataran Merdeka untuk menyertai Women's March Malaysia 2023. Mereka yang terlibat dalam perhimpunan itu juga mempunyai hubungan dengan komuniti LGBT kerana buktinya bendera warna pelangi dinaikkan dan dikibarkan semasa perarakan tersebut (Wan Nor Anas et al., 2023).

Dalam pada itu, golongan LGBT ini juga turut berbangga dengan gaya hidup mereka dan mempamerkan aksi yang keterlaluan di media sosial. Misalnya, Jefri (2020) menyatakan seorang usahawan kosmetik kontroversi Nur Sajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajjad telah memuat naik gambar dan video berbikini di laman sosial Instagram. Tindakannya itu bukan sahaja haram di sisi agama, tetapi telah melanggar prinsip kelima Rukun Negara iaitu kesopanan dan kesusilaan. Perkara ini secara tidak langsung boleh mendatangkan kesan negatif dan pengaruh yang buruk terhadap pemikiran masyarakat disebabkan maksiat yang dilakukan secara terbuka. Dari sudut statistik, data menunjukkan bahawa berlakunya perkembangan dan peningkatan populasi golongan yang terlibat dengan gejala LGBT ini saban tahun. Menurut Mohd Ali (2018), JAKIM mendedahkan populasi komuniti gay direkodkan meningkat hampir 100%, iaitu seramai 310,000 individu pada tahun 2018 berbanding 173,000 individu pada tahun 2013. Manakala, golongan transgender pula merekodkan peningkatan kepada 30,000 individu pada tahun 2018, berbanding seramai 10,000 pada 1988 lalu.

Oleh kerana budaya LGBT ini menyimpang daripada norma dan budaya masyarakat, pengamal dan pendukung LGBT ini telah ditentang dan ditolak oleh kebanyakan masyarakat di Malaysia (Mohd Noor, 2023). Semua ini dilakukan bagi menghalang penyebaran dan sebarang promosi terhadap gejala ini. Antara bentuk penolakan yang berlaku adalah penganjuran demonstrasi untuk membantah kehadiran dua ikon LGBT Malaysia iaitu Safiey Ilias dan Nur Sajat pada program keusahawanan Mood Republic di Perak (Musa, 2018). Bahkan, ada juga sultan dalam beberapa negeri yang menitahkan dengan tegas agar menjauhi dari perbuatan LGBT ini sendiri (Idris, 2023). Majlis Raja-Raja ke-126 juga telah mengisytiharkan tingkah laku LGBT adalah menyalahi undang-undang untuk diamalkan sebagai cara hidup pada 13 Disember 1989 (Haridi, 2016). Di samping itu, Bernama (2022) menyatakan pihak kerajaan dan pihak berkuasa agama juga tidak ketinggalan dalam melakukan pelbagai pendekatan dalam menangani gejala LGBT ini termasuk melarang acara dan program berkaitan hak LGBT dan menapis kandungan dan adegan yang mempromosikan gaya hidup LGBT dalam muzik, filem dan media sosial seperti *TikTok* kerana ia dianggap tidak sesuai (Pae et al., 2023). Usaha yang lain juga antaranya, pihak JAKIM telah menganjurkan Program Mukhayyam pada setiap tahun bermula tahun 2011 bagi memulihkan golongan ini dan mendedahkan mereka pada program keagamaan serta rekreasi (Iskandar & Parzi, 2015; Abd Majid, 2023). Malahan, penganjuran ‘Seminar Rahmah Menyantuni Ummah’ telah dilaksanakan di beberapa negeri yang bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran terhadap isu LGBT (JAKIM, 2018).

Walaupun pelbagai cara dan pendekatan dilakukan bagi menangani gejala LGBT ini, golongan LGBT di Malaysia tetap meningkat dan semakin berleluasa. Timbul beberapa persoalan berkenaan kewajaran pendekatan menyantuni dengan lemah lembut dilakukan terutama terhadap golongan LGBT yang tegar mempromosikan gaya hidup songsang ini secara terbuka. Persoalan lain adalah tentang apakah wujudnya keperluan untuk pendekatan yang bersifat lebih tegas dilakukan dalam menangani gejala LGBT ini? Dalam masa yang sama, adakah tepat tindakan masyarakat yang menentang golongan LGBT dengan melaksanakan pemboikotan secara total dan terbuka ini dilakukan terhadap semua golongan LGBT? Malahan, adakah Islam mengiktiraf kaedah pemuluan dan pemboikotan ini sebagai salah satu daripada langkah pencegahan maksiat? Berdasarkan kepada beberapa permasalahan dan persoalan yang telah dinyatakan, penganalisisan terhadap kaedah *al-zajr bi al-hajr* dan kesesuaian pengaplikasiannya terhadap golongan LGBT di Malaysia perlu dilakukan bagi mengatasi permasalahan ini. Kefahaman terhadap konsep pencegahan ini dilihat penting bagi memastikan sesuatu penolakan atau pemboikotan itu dilaksanakan sesuai menurut kaedah yang ditetapkan syarak. Natiujahnya, permasalahan mengenai isu-isu LGBT di Malaysia ini akan dapat diselesaikan dengan tuntas serta mendatangkan lebih banyak kebaikan dan manfaat untuk kesejahteraan hidup masyarakat di Malaysia.

### **Definisi *Al-Zajr Bi Al-Hajr* dan Kedudukannya dalam Fiqh Jenayah Islam**

Istilah *al-zajr bi al-hajr* bukanlah satu istilah baru dalam Fiqh Jenayah Islam, sebaliknya istilah ini telah digunakan oleh para ulama dalam beberapa karya dan penulisan mereka sejak dahulu dan kini. Antaranya, Imam Jalaluddin al-Suyuti telah menamakan kitabnya dengan tajuk “*Al-Zajr bi Al-Hajr*”, begitu juga Syeikh Abi Usamah Salim bin ‘Aid al-Hilali dalam kitabnya “*Matla’ al-Fajr fi Fiqh al-Zajr bi al-Hajr*” (Abi Usamah Salim, 2005). Secara umumnya, istilah *al-zajr bi al-hajr* ini merupakan gabungan daripada dua kalimah iaitu *al-zajr* dan *al-hajr*.

Dari sudut bahasa, *al-zajr* bermaksud cegahan, larangan dan teguran (Ibn Manzur, 2007). Al-Zubaidi (1965) pula mendefinisikan *al-zajr* sebagai larangan dan pencegahan terhadap manusia. Dari sudut istilah pula, definisi *al-zajr* boleh dilihat dari dua aspek iaitu aspek tarbiah dan akhlak serta aspek hukuman jenayah Islam. Menurut Al-Ghazali (2008), *al-zajr* dari aspek tarbiah dan akhlak ialah pencegahan terhadap *mukallaf* daripada berkelakuan yang bercanggah serta menggalakkan mereka untuk berakhlak baik. Manakala dari aspek hukuman jenayah Islam, *al-zajr* bermaksud mencegah penjenayah daripada melakukan dan mengulangi kesalahan atau jenayah tertentu serta dalam masa yang sama mencegah orang lain daripada terjerumus melakukan kesalahan tersebut (al-Awqaf, 1990).

Seterusnya, *al-hajr* juga mempunyai definisi tersendiri menurut bahasa dan syarak. Dari sudut bahasa, Ibn Manzur (2007) menjelaskan *al-hajr* merupakan kata terbitan daripada *hajara* yang bermaksud lawan kepada menghubungkan iaitu memutuskan sesuatu. Mustafa et al., (2008) pula menyatakan *al-hajr*

bermaksud meninggalkan, menjauhkan dan berpaling daripada sesuatu. Menjauhkan ini bermaksud larangan daripada berhubungan dengan orang lain dalam setiap perkara dan lapangan selaras dengan sistem sosial masyarakat yang tertulis. Menurut istilah syarak pula, Al-Nawawi (1988) menyatakan *al-hajr* bermaksud meninggalkan dan berpaling dari sesuatu. Ibn Hajar al-‘Asqalani (2005) pula menyatakan *al-hajr* bererti seseorang itu meninggalkan diri daripada bercakap dengan seseorang yang lain apabila berjumpa, di mana pada asalnya pemulauan tersebut berlaku dari sudut perbuatan atau perkataan. Oleh itu, berdasarkan penelitian terhadap definisi, penulis menyimpulkan bahawa hasil gabungan perkataan *al-zajr* dan *al-hajr* membawa maksud satu bentuk pencegahan melalui pemulauan sama ada dari sudut badan, lisan atau hati kepada pesalah atau individu tertentu yang melakukan perkara yang bercanggah dengan Islam dan sistem sosial masyarakat.

Dari sudut kedudukannya di dalam Fiqh Jenayah Islam, kaedah *al-zajr bi al-hajr* ini terletak di bawah jenis hukuman kesalahan jenayah takzir. Menurut Al-Bahnasi (1991), hukuman takzir yang mempunyai kesan *al-zajr* ini boleh dibahagikan kepada empat bentuk. Pertama, hukuman berbentuk fizikal. Kedua, hukuman berbentuk sekatan kebebasan. Ketiga, hukuman berbentuk harta dan akhir sekali yang keempat adalah hukuman berbentuk pendekatan kejiwaan. Keempat-empat bentuk hukuman takzir ini terdapat di bawahnya banyak pecahan dan jenis-jenis hukuman tertentu. Melalui hukuman berbentuk fizikal, di bawahnya terdapat dua jenis hukuman iaitu hukuman mati (*al-qatl*) dan hukuman sebat (*al-jalad*). hukuman berbentuk sekatan kebebasan juga mempunyai dua jenis hukuman dibawahnya iaitu hukuman penjara (*al-habs*) dan hukuman buang daerah (*al-taghrib*) (Rahmawati et al., 2023; Irfan, 2013). begitu juga dengan hukuman dari sudut harta yang terdiri daripada dua jenis hukuman iaitu meliputi hukuman denda (*al-gharamah*) dan hukuman rampasan harta benda yang disebut sebagai *al-musadarah*. Adapun hukuman yang berbentuk pendekatan kejiwaan mempunyai jenis hukuman yang paling banyak iaitu terdiri daripada enam jenis hukuman. Hukuman-hukuman tersebut terdiri daripada hukuman nasihat (*al-wa'z*), amaran tegas (*al-tawbikh*), ugutan (*al-tahdid*), pendedahan kesalahan di khalayak umum (*al-tasyhir*), melucutkan jawatan pesalah (*al-'azal min al-wazifah*) dan hukuman *al-hajr* iaitu pemulauan atau pemboikotan (Jamal & Hashim, 2017).

### **Dalil Pensyariatan *Al-Zajr Bi Al-Hajr* dalam Islam**

Secara umumnya, pensyariatan *al-zajr bi al-hajr* telah dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Muaz Abd al-Sattar, 2013). Menurut al-Qurtubi (2000), pensyariatan *al-zajr bi al-hajr* telah dinyatakan berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 118 yang menunjukkan hukuman Allah SWT terhadap tiga orang Sahabat RA dengan menanggukuhkan penerimaan taubat mereka. Mereka juga telah dikenakan hukuman *al-hajr* oleh Nabi SAW dan peristiwa pemulauan ini berlaku selama lima puluh hari. Sepanjang tempoh *al-hajr* tersebut, dunia dan hati mereka menjadi sempit dan sesak dan menyebabkan mereka benar-benar menyesali dan bertaubat hingga akhirnya Allah SWT menerima taubat mereka dengan menurunkan ayat ini. Al-Syaukani (1992) pula menyatakan ayat ini juga menjadi dalil keharusan *al-hajr* terhadap ahli maksiat yang bertujuan memberi pengajaran kepada mereka dan sebagai bentuk *al-zajr* daripada melakukan maksiat. Perkara ini bertepatan dengan Ibn Taimiah (1992) yang menyatakan terdapat tiga bentuk *al-hajr* yang disyariatkan dalam Islam dengan tujuan untuk mendidik dan memberikan pengajaran. Pertama, *al-hajr* terhadap golongan yang meninggalkan perintah Allah SWT dan Rasul SAW serta melakukan perkara yang diharamkan syarak. Kedua, *al-hajr* terhadap golongan yang menzahirkan kemaksiatan dan kemungkaran. Ketiga, *al-hajr* terhadap golongan yang mengajak kepada amalan baru yang bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.

Manakala, kisah *al-hajr* terhadap tiga orang Sahabat RA ini juga telah dinukilkan dalam hadis panjang riwayat Bukhari dan menjadi salah satu dalil asas pensyariatan *al-zajr bi al-hajr* melalui al-Sunnah. Menurut Ibn Battal (2003), hadis tersebut menjelaskan berkenaan seruan Rasulullah SAW kepada para sahabat untuk melaksanakan *al-hajr* terhadap Kaab bin Malik, Murarah bin Rabi' dan Hilal bin Umayyah. Antara bentuk *al-hajr* yang dilakukan adalah dengan cara tidak memberi dan menjawab salam serta larangan berbicara dan berkomunikasi dengan mereka. Tujuannya adalah untuk menzahirkan kemarahan terhadap perbuatan mereka yang tidak menyertai peperangan Tabuk di samping sebagai hukuman dan didikan untuk mereka menjadi lebih baik. Hal ini kerana, ketiga-tiga Sahabat RA ini telah melakukan kesalahan terhadap Allah SWT dan Rasul SAW iaitu kesalahan meninggalkan seruan jihad tanpa alasan (Al-Buti, 2000). Dalam pada itu, al-Nawawi (2002) pula menyatakan terdapat beberapa faedah dan pengajaran yang boleh diambil daripada kisah peristiwa *al-hajr* Kaab bin Malik ini. Antaranya, keharusan

untuk melaksanakan *al-hajr* terhadap dua golongan iaitu ahli bidaah dan orang yang melakukan maksiat secara terang-terangan. Selain itu, *al-hajr* juga dilakukan dengan tidak memberi dan menjawab salam serta memutuskan hubungan percakapan sebagai penghinaan terhadap sesuatu maksiat. Bukan itu sahaja, pengajaran lainnya adalah keutamaan untuk memberikan ketaatan sepenuhnya kepada Allah SWT dan Rasul SAW berbanding hubungan kasih sayang antara sahabat dan kaum keluarga terdekat. Perkara ini dibuktikan melalui tindakan Abu Qatadah RA yang tidak menjawab salam yang diberikan kepadanya disebabkan kepatuhan terhadap perintah *al-hajr* yang diarahkan Nabi SAW.

Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa tindakan *al-zajr bi al-hajr* ini mempunyai asasnya dan disyariatkan dalam Islam. Walau bagaimanapun, pelaksanaan *al-zajr bi al-hajr* ini tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya dengan mengikut hawa nafsu. Sebaliknya, ia perlu dipastikan agar ianya sejajar dengan akhlak dan tujuan yang dibenarkan oleh syarak (Sulistio & Abdul Manap, 2017).

### **Aplikasi Kaedah *Al-Zajr Bi Al-Hajr* dalam Menangani LGBT di Malaysia**

Kaedah *al-zajr bi al-hajr* adalah salah satu bentuk kaedah pencegahan melalui pemuluan yang terletak di bawah perbahasan hukum takzir dalam undang-undang jenayah Islam. Pemuluan juga dikategorikan sebagai salah satu hukuman yang berbentuk kejiwaan dan pelaksanaannya terletak di bawah bidang kuasa pihak pemerintah. Oleh sebab itu, Rasulullah s.a.w. yang merupakan ketua negara telah melaksanakan kaedah *al-zajr bi al-hajr* ini kepada tiga orang Sahabat RA yang tidak menyertai ekspedisi perang tanpa sebab yang dibenarkan syarak iaitu ke atas Ka'ab bin Malik, Murarah bin al-Rabi' dan Hilal bin Umayyah. Tindakan Rasulullah SAW mengarahkan para sahabat supaya tidak bertegur sapa dan menjalankan pemuluan terhadap mereka. Ia memberi kesan yang amat besar kerana kesalahan mengenyepikan perintah Allah SWT dan Rasulnya lantaran tidak berjihad bersama orang Islam yang lain sehingga seluruh penduduk Madinah tidak pedulikan mereka (Mat Salleh, 2024). Melalui tindakan Rasulullah SAW ini juga jelas menunjukkan bahawa dalam keadaan tertentu, pendekatan berlemah lembut tidak sesuai dilaksanakan, sebaliknya memerlukan kepada pendekatan yang bersifat tegas yang bertujuan untuk mendidik dan memberikan kesedaran. Kesannya, hukuman berbentuk *al-hajr* ini telah berjaya memberikan kesan yang mendalam kepada ketiga-tiga orang Sahabat RA tersebut hingga menyebabkan mereka bertaubat dan menjadi lebih baik.

Begitu juga dengan isu LGBT yang semakin berkembang di Malaysia, pendekatan yang bersifat lebih tegas perlu dilakukan dalam membendung gejala ini. Walau bagaimanapun, kaedah pemuluan secara total sebagaimana yang dilaksanakan Rasulullah SAW terdahulu dilihat tidak bersesuaian untuk dilaksanakan pada zaman kini disebabkan faktor perbezaan zaman dan keadaan. Bukan itu sahaja, faktor zaman dan penguasaan Islam yang lemah juga dilihat mendatangkan kesan *mafsadah* yang lebih mendominasi berbanding maslahat sekiranya *al-hajr* secara total diaplikasikan. Walau bagaimanapun, masih wujud ruang dan keperluan tertentu pendekatan *al-zajr bi al-hajr* ini diaplikasikan berdasarkan kepada realiti zaman kini dan jenis kategori golongan LGBT di Malaysia.

Oleh yang demikian, subtopik ini akan menjelaskan cadangan aplikasi kaedah *al-zajr bi al-hajr* terhadap golongan LGBT di Malaysia yang terdiri daripada lima aplikasi. Pertama, pelaksanaan kuarantin. Kedua, boikot ekonomi. Ketiga, menolak tuntutan pengiktirafan LGBT. Keempat, tidak memilih golongan LGBT sebagai pemimpin. Seterusnya yang terakhir adalah tidak memaparkan golongan LGBT secara terbuka di dalam masyarakat.

### **Pelaksanaan Kuarantin**

Kajian ini mendapati bahawa salah satu bentuk aplikasi *al-zajr bi al-hajr* yang sesuai dilaksanakan sebagai langkah pencegahan dan rawatan adalah melalui pelaksanaan kuarantin terhadap golongan LGBT. Definisi kuarantin adalah pengasingan manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan di tempat tertentu dan dalam tempoh masa tertentu kerana disyaki menghidap sesuatu penyakit (Sheikh Salim, 2007). Dalam konteks *al-hajr* terhadap golongan LGBT, maksud kuarantin di sini adalah pengasingan sementara golongan LGBT di tempat tertentu dan dalam tempoh masa tertentu dengan diberikan pengisian modul tertentu untuk memberikan kesedaran dan rawatan psikologi.

Dalam pada itu, bentuk kuarantin yang dilaksanakan perlu berbeza mengikut kategori dan jenis golongan LGBT yang terdapat di Malaysia (R3, 2019). Kajian ini mendapati terdapat tiga kategori golongan LGBT yang wujud di Malaysia. Kategori pertama adalah merujuk kepada golongan LGBT yang sudah berubah

dan berhijrah kembali kepada fitrah yang asal. Kategori kedua pula merujuk kepada golongan LGBT yang masih lagi bergelumbang dengan kehidupan LGBT tetapi masih wujud penyesalan dalam diri dan berusaha untuk keluar daripada budaya songsang tersebut. Manakala, kategori ketiga adalah golongan LGBT yang degil dan tegar serta meyakini orientasi seksual yang dimiliki merupakan takdir tuhan yang tidak boleh diubah (R3, 2019).

Bagi kategori pertama dan kedua, pendekatan kuarantin yang sesuai dilaksanakan adalah melalui penganjuran program berkala pada setiap minggu. Antara bentuk program yang boleh dilaksanakan ialah perkhemahan, usrah, kem jati diri, program bimbingan kaunseling dan banyak lagi. Melalui program seperti ini, para peserta diberikan ilmu pengetahuan sama ada ilmu agama, ilmu kesihatan dan ilmu-ilmu yang lain di samping mendapat pendedahan akan keburukan LGBT kepada diri dan masyarakat. Dengan wujudnya pelaksanaan kuarantin seperti ini, golongan LGBT daripada kedua-dua jenis kategori ini akan mendapat bimbingan yang sepatutnya dan membina persekitaran kehidupan baru yang lebih baik. Perkara ini bertepatan dengan program yang dilaksanakan pihak JAKIM (Abd Majid, 2023) yang seakan-akan menyerupai pelaksanaan kuarantin melalui program *mukhayyam* seperti mana kenyataan informan kajian 1 dan 2 berikut.

Informan kajian 1 telah berkata:

“Kuarantin kalau kata pendekatan yang menarik, sesuai sebagainya, itu sangat bagus *lah* macam JAKIM buat mukhayyam *tu*, kuarantin *la tu*. Maknanya dikumpulkan di sesuatu tempat kemudian diberi pemahaman agama, itu kuarantin *la tu*.”

(Informan kajian 1, temu bual, 2019)

Informan kajian 2 juga menyatakan:

“Buat masa sekarang *ni*, kita ada kita buat program berkala, kalau dia datang mukhayyam kita *tu*, pada saya dan dia pon mendapat hak asasi dia *lah*, kita bagi makan apa semua, jadi saya faham maksud *tu*, boikot *tu* maknanya menjauhkan mereka dari pandangan masyarakat *kan*.”

(Informan kajian 2, temu bual, 2019)

Bagi kategori ketiga iaitu golongan LGBT yang degil dan tegar mempromosikan gaya hidup LGBT ini, pendekatan kuarantin yang sesuai untuk mereka adalah melalui penguatkuasaan undang-undang. Melalui tindakan undang-undang, setiap perlakuan jahat atau tidak bermoral dapat dihalang selain dapat mengekalkan ketenteraman dan keharmonian negara. Selain itu, perundangan juga dirasakan menjadi pilihan terbaik untuk memberi kesedaran terhadap golongan LGBT yang tegar ini disebabkan pendekatan kuarantin melalui program berkala dilihat tidak berjaya menarik minat malah dipermainkan oleh mereka. Bentuk aplikasinya dari sudut perundangan adalah dengan mengenakan hukuman penjara dan mewajibkan pesalah untuk mengikuti sesi bimbingan dan kaunseling dalam tempoh masa tertentu. Pelaksanaan hukuman penjara dan sesi kaunseling berwajib ini dapat dilaksanakan sekiranya pihak berkuasa merangka akta-akta baru yang khusus untuk golongan LGBT yang tegar ini. Hal ini sejajar dengan kenyataan Informan kajian 2 dan 1 di bawah.

Informan kajian 2 telah menyatakan:

“Saya rasa perundangan *tu* adalah satu bentuk pemboikotan juga, bila maksudnya mereka dikenakan hukuman dan mungkin penjara. Bila mereka yang memperjuangkan *tu*, saya merasakan memang patut ada satu akta orang yang mempromosi LGBT *ni* kena tangkap *je*. Di sesetengah negara memang macam *tu*. Mempromosi LGBT *je* adalah termasuk dalam akta yang mereka boleh ditangkap. Kita *takde lah*, itu yang *bermaharaja lela tu*.”

(Informan kajian 2, temu bual, 2019)

Informan kajian 1 juga menjelaskan:

“Kaedah yang mudah adalah dengan penguatkuasaan undang-undang. Jadi kalau ada tangkapan, mereka *ni* dikuarantin dalam tempoh tertentu, beberapa arahan daripada pihak mahkamah syariah misalnya mungkin 2000 jam perlu hadir kaunseling dengan pihak jabatan agama ataupun pihak pejabat mufti ataupun JAKIM sebagainya itu adalah kaedah yang sangat baik maknanya istilah yang digunakan adalah kuarantin bukan boikot.”

(Informan kajian 1, temu bual, 2019)

Berdasarkan kenyataan informan kajian 2 dan 1 sebelum ini, dapat difahami bahawa hukuman penjara bagi individu yang ditangkap atau didapati bersalah boleh dikategorikan sebagai salah satu aplikasi *al-zajr bi al-hajr* zaman kini. Bukan itu sahaja, dengan mewajibkan mereka untuk mengikuti sesi kaunseling semasa dalam tempoh tahanan juga merupakan pendekatan yang terbaik dalam memberikan kesedaran dan bimbingan kepada golongan LGBT ini.

### **Boikot Ekonomi yang Konsisten**

Pada era globalisasi ini, pelbagai teknik dan strategi pemasaran produk telah digunakan oleh pengusaha produk bagi melariskan jualan melalui media massa. Rentetan daripada itu, terdapat segelintir pihak yang mengiklankan produk mereka dengan cara tidak beretika dan bertentangan dengan nilai dan budaya di Malaysia. Contohnya seperti membuat iklan mengenai produk lelaki pondan memakai mahkota, tayangan aurat di media sosial dan menggunakan elemen LGBT sebagai teknik pemasaran bagi melariskan jualan. Strategi pengiklanan sebegini bukan sahaja bercanggah dengan syariat Islam, tetapi perkara ini boleh mencipta nilai sosial yang tidak baik dalam kalangan masyarakat. Walaupun terdapat penolakan yang berlaku seperti penganjuran demonstrasi untuk membantah kehadiran dua ikon LGBT Malaysia iaitu Safiey Ilias dan Nur Sajat pada program keusahawanan *Mood Republic* di Perak (Musa, 2018) serta seruan kepada masyarakat untuk memboikot produk kecantikan yang dikeluarkan oleh selebriti produk kecantikan Safiey Ilias (Lokman Hakim, 2018), namun pemboikotan ini berlaku secara bermusim dan tidak konsisten.

Oleh yang demikian, pendekatan *al-hajr* dan sekatan oleh agensi komunikasi terhadap produk mereka secara konsisten merupakan jalan terbaik bagi menyelesaikan permasalahan ini. Kajian ini mendapati bahawa antara aplikasi *al-hajr* adalah dengan melaksanakan boikot ekonomi iaitu tidak membeli barangan yang menggunakan unsur LGBT sebagai pelaris jualan. Boikot ekonomi seperti ini dilakukan untuk memberi kesedaran terhadap golongan LGBT selain menunjukkan tanda tidak setuju dengan amalan gaya hidup mereka. Tindakan *al-hajr* dengan tidak membeli dan menyokong barangan mereka ini sejajar dengan kenyataan informan kajian 1 dan 2 seperti mana berikut.

Informan kajian 1 telah menyatakan:

“Yang pertama memang wajib boikot benda-benda macam *tu*. Contoh macam Sajat, Sajat dia jual bengkung, betul *tak*? Dia jual bengkung sebagainya kita boikot. Yang keduanya, untuk orang macam Sajat sebagainya, sebab itu saya katakan, kena ada satu, kalau isu nak beli barang *diorang* tu kena ada satu sistem *la* kalau nak boikot *tu*, kena ada sistem yang sangat baik, bukan hanya di peringkat orang awam, tapi di peringkat pemerintah pihak berkuasa *lah*.”

(Informan kajian 1, temu bual, 2019)

Informan kajian 2 pula menjelaskan:

“Haa boikot produk *tu kan*. Kalau dia menggunakan menormalisasikan dia punya *kemaknyahan tu* dengan *tu*. Itu boleh boikot. Boikot ekonomi saya setuju. Bukan boikot persahabatan, bukan boikot dakwah. Boikot ekonomi terutamanya kalau dia menggunakan elemen *mak nyah* dia *tu* sebagai melariskan jualan lagi *lah* kena.”

(Informan kajian 2, temu bual, 2019)

Berdasarkan kenyataan informan kajian 1 dan 2 sebelum ini, dapat difahami bahawa terdapat keperluan untuk masyarakat memboikot barangan yang menggunakan unsur LGBT dalam melariskan jualan. Tindakan ini dilakukan bagi menunjukkan tanda bangkangan terhadap promosi maksiat yang dilakukan

secara terbuka, di samping menyedarkan golongan LGBT ini bahawa perbuatan tersebut bercanggah dengan syariat Islam. Tindakan boikot ekonomi ini juga merupakan satu bentuk pencegahan kemungkaran dengan menggunakan tangan atau kekuasaan.

### Menolak Tuntutan Pengiktirafan LGBT

Selain pelaksanaan kuarantin dan boikot ekonomi, antara aplikasi *al-hajr* yang sesuai terhadap golongan LGBT adalah dengan menolak dan membantah setiap permintaan dan tuntutan pengiktirafan budaya songsang ini di Malaysia. Perkara ini bertepatan dengan kenyataan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad secara tegas menyatakan bahawa Malaysia tidak akan mengalah kepada sebarang tekanan untuk menerima amalan songsang terutamanya yang berkaitan dengan unsur LGBT. Ucapan beliau di Cambridge Union, United Kingdom ini juga telah menegaskan bahawa Malaysia mestilah berpegang teguh kepada nilai-nilai moral yang berlandaskan adat, budaya dan agama serta tidak terikut-ikut dengan budaya barat (Firdaus Azil, 2019). Walaupun budaya hidup LGBT ini ditolak di Malaysia, sebahagian besar golongan LGBT ini bijak menggunakan lorong hak asasi manusia dan saluran antarabangsa untuk memberi tekanan terhadap negara bagi membenarkan dan mengiktiraf semua tuntutan dan gaya hidup mereka di Malaysia. Bukan itu sahaja, golongan LGBT ini juga turut aktif menuntut pengiktirafan secara terbuka melalui pelbagai himpunan dan perarakan di tempat-tempat awam. Oleh yang demikian, pembantahan dan penolakan sebarang tuntutan daripada golongan LGBT ini perlu dilakukan sebagai salah satu daripada bentuk aplikasi *al-zajr bi al-hajr*.

Perkara ini bertepatan dengan kenyataan informan kajian 2 (2019) seperti mana berikut :

“So saya merasakan bahawa memberi kesedaran dalam mencegah kemungkaran *ni* dia kita kata boikot dalam erti kata tidak *mengiyakan* permintaan mereka yang meminta kepada hak mereka, hak yang bertentangan *lah*. Maksudnya kalau dia *nak* masjid dia, tak boleh bagi *lah*. Kalau dia *nak* tandas dia atau tandas ketiga kita *tak* bagi. Kita tidak akan ikut macam barat *tu* mereka *dah* minta tandas sendiri, mereka *dah* minta tukar kad *IC*. *Ha*, jadi saya merasakan bahawa kita masih lagi boikot dalam perkara tersebut.”

(Informan kajian 2, temu bual, 2019)

Melalui kenyataan informan kajian 2 (2019), dapat difahami bahawa penolakan terhadap tuntutan dan permintaan golongan LGBT yang bertentangan dengan budaya masyarakat Malaysia merupakan salah satu aplikasi *al-zajr bi al-hajr* yang boleh dilaksanakan zaman kini. Selain itu, antara cara dan bentuk *al-zajr bi al-hajr* yang boleh dilakukan adalah dengan membuat laporan polis, menganjurkan kempen tolak LGBT, penganjuran seminar kesedaran dan banyak lagi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penolakan sebarang permintaan dan tuntutan daripada golongan LGBT merupakan salah satu daripada aplikasi *al-zajr bi al-hajr* terhadap golongan LGBT di Malaysia. Sekiranya tiada sebarang bantahan dan penolakan terhadap budaya LGBT ini, lama-kelamaan Malaysia akan menjadi seperti negara-negara luar yang mengiktiraf budaya songsang dan membenarkan perkahwinan sejenis. Contohnya seperti yang berlaku di negara Thailand apabila Parlimen Thailand telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) perkahwinan sejenis, sekali gus membuka jalan bagi kerajaan itu menjadi negara Asia Tenggara pertama yang mengiktiraf kesaksamaan perkahwinan LGBT (Berita Harian, 2024).

### Tidak Memilih Golongan LGBT sebagai Pemimpin

Aplikasi *al-zajr bi al-hajr* seterusnya yang boleh dilakukan bagi mencegah kemungkaran LGBT di Malaysia ialah dengan tidak melantik pelaku LGBT atau individu yang mendukung gerakan LGBT ini sebagai pemimpin atau tokoh dalam masyarakat. Hal ini kerana, pemimpin atau tokoh masyarakat memainkan peranan dalam mencorakkan keadaan dan peribadi orang yang berada di bawah pimpinannya. Oleh itu, golongan LGBT dilihat tidak sesuai dan tidak seharusnya dilantik sebagai pemimpin atau tokoh dalam masyarakat.

Perkara ini bertepatan dengan kenyataan informan kajian 1 berikut:

“Boikot kita *tu* bermaksud mereka tidak dijadikan tokoh masyarakat, mereka tidak dijadikan rujukan masyarakat. Jadi, katakanlah kita tahu seseorang itu *gay* ataupun



seseorang itu *mak nyah*, mereka tidak patut dijadikan ikon *lah*. *Ha*, itu patutnya boikot yang dalam sekarang *ni*, tidak diangkat sebagai rujukan dalam masyarakat, tidak diberikan peranan yang penting, tidak diberi peranan yang boleh mempengaruhi orang lain..”

(Informan kajian 1, temu bual, 2019)

Berdasarkan kenyataan informan kajian 1, dapat disimpulkan bahawa antara aplikasi *al-hajr* terhadap golongan LGBT adalah dengan tidak melantik atau menjadikan mereka sebagai tokoh, pemimpin atau rujukan masyarakat. Hal ini kerana, golongan LGBT ini boleh mempengaruhi masyarakat untuk menerima gaya hidup songsang ini dan akhirnya budaya LGBT menjadi satu normalisasi dalam masyarakat.

Seterusnya, aplikasi *al-zajr bi al-hajr* yang boleh dilaksanakan pada masa kini adalah dengan tidak memaparkan golongan LGBT ini secara terbuka. Dalam erti kata lain, individu yang mengamalkan budaya LGBT ini tidak ditonjolkan watak dan peribadinya sama ada melalui media massa mahupun media sosial.

Tindakan *al-hajr* seperti ini bertepatan dengan informan kajian 2 berikut:

“So, saya nak katakan bahawa maknanya pada saya *lah* boikot secara personal *tu* memadai jika kita tidak menampakkan mereka sebagai tokoh. Saya rasa macam boikot yang Rasulullah *tu* adalah supaya mereka tidak dinampakkan sebenarnya dalam masyarakat. *Enough of normalization. But this is what we are not doing effectively lah*. Sedangkan kita bila kita buat *mukharyam* pun, kita *tak* iklankan sangat.”

(Informan kajian 2, temu bual, 2019)

Berdasarkan kenyataan sebelum ini, informan kajian 2 (2019) menjelaskan tindakan tidak memaparkan watak LGBT secara terbuka kepada masyarakat bertepatan dengan tindakan Rasulullah SAW dalam melaksanakan *al-hajr*. Perkara ini dilakukan dengan tujuan tidak menjadikan budaya LGBT ini menjadi normalisasi dalam masyarakat. Pemaparan golongan LGBT secara terbuka akan mempromosikan budaya LGBT ini dan akhirnya akan mempengaruhi budaya masyarakat. Selain itu, tindakan segelintir pendakwah yang berkongsi kegiatan dakwahnya terhadap golongan LGBT secara terbuka melalui media sosial juga berlawanan dengan konsep *al-hajr* terhadap golongan LGBT. Seharusnya, watak golongan LGBT tidak perlu dipaparkan di media sosial untuk tatapan masyarakat walaupun tidak dinafikan aktiviti dakwah yang dilakukan merupakan satu kerja yang murni. Setiap pendakwah yang melakukan aktiviti dakwah harus mempunyai kaedah dan garis panduan agar kegiatan dakwah yang dilakukan tidak mendatangkan fitnah.

Perkara ini sejajar dengan kenyataan informan kajian 1 seperti mana berikut:

“So itu kaedah umum boikot yang saya rasa maknanya kalau orang yang menyantuni *mak nyah* pun dia kena ada kaedah. Ini satu benda yang sensitif yang saya nak bagi tahu saya *tak* setuju dengan kaedah pendakwah X sebab dia papar *kan*.. macam mana ya saya nak kata, kaedah *tu* memang merisaukan saya dan *kan* dia buat TV, lepas *tu* dia tunjuk dia pergi lorong belakang jumpa *mak nyah*, *pastu* dia peluk *kan*.”

(Informan kajian 1, temu bual, 2019)

Berdasarkan kenyataan informan kajian 1, dapat difahami bahawa pemaparan individu LGBT di kaca televisyen mahupun media sosial kurang sesuai dilakukan. Hal ini kerana tindakan ini akan mengundang pelbagai persepsi dan salah faham di kalangan masyarakat di samping boleh menjadikan perilaku LGBT satu normalisasi.

## Kesimpulan

Gejala LGBT merupakan salah satu permasalahan sosial yang semakin berkembang dan menjadi normalisasi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kesan daripada itu, wujudnya pelbagai usaha yang

dilakukan oleh pihak kerajaan dalam membendung gejala ini melalui pendekatan dakwah yang bersifat menyantuni dan berlemah lembut. Dalam masa yang sama, masyarakat menentang keras golongan LGBT ini dan mewujudkan gelombang pemboikotan disebabkan gaya hidup ini bercanggah dengan adat, budaya dan kehidupan beragama di Malaysia. Maka, pendekatan kaedah *al-zajr bi al-hajr* diketengahkan sebagai satu alternatif dalam kaedah pencegahan kemungkaran dalam Islam.

Terdapat lima bentuk aplikasi kaedah *al-zajr bi al-hajr* yang boleh dilaksanakan terhadap golongan LGBT di Malaysia mengikut kategori golongan LGBT. Aplikasi *al-zajr bi al-hajr* tersebut merangkumi pelaksanaan kuarantin melalui program berkala dan penguatkuasaan undang-undang seperti hukuman pengasingan, boikot ekonomi, menolak tuntutan pengiktirafan LGBT, tidak menjadikan golongan LGBT sebagai pemimpin atau tokoh masyarakat dan akhir sekali tidak memaparkan golongan LGBT secara terbuka untuk tatapan masyarakat.

Kajian ini menyarankan penggunaan pendekatan *al-zajr bi al-hajr* sebagai salah satu daripada kaedah pencegahan kemungkaran berteraskan Islam terutama terhadap kemungkaran yang melibatkan golongan LGBT di Malaysia. Kajian ini melihat pendekatan *al-zajr bi al-hajr* mempunyai kemampuan dan sesuai untuk diaplikasikan sebagai salah satu pendekatan yang boleh memberikan kesedaran terhadap golongan LGBT dan masyarakat secara umumnya. Selain itu, pendekatan *al-zajr bi al-hajr* yang dicadangkan turut boleh menyelesaikan kelemahan dan kekurangan yang wujud dalam kaedah pengurusan LGBT yang sedia ada di Malaysia.

## Rujukan

- Abd Majid, W. R. (2023). Honouring the religious rights of the LGBTQ persons: An Islamic perspective. *Tafhim: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 16(1), 89-121.
- Abi Usamah Salim. (2005). *Matla' al-fajr fi fiqh al-zajr bi al-hajr*. Dar Imam al-Ahmad.
- Akmal Dunya, S. (2019, March 13). "Himpunan LGBT: Cubaan murahan mempromosikan budaya songsang". *Sinar Harian*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/17715/berita/nasional/himpunan-lgbt-cubaan-murahan-mempromosikan-budaya-songsang>
- Al-Awqaf, W. (1990). *Al-mausū'ah al-fiqhiyyah*. Thaba'ah zat al-salasil.
- Al-Buti. (1983). *Fiqh al-sirah*. Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Ghazali, A. H. (2008). *Al-mustasfā min 'ilm al-usūl* (a. M. M. 'Umar, Ed.). Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, M. A. Z. Y. S. (1988). *Alfāz al-tanbīh au lughah al-fiqh*. Dar Al-Qalam.
- Al-Nawawi, M. A. Z. Y. S. (2002). *Sahih muslim bi sharh al-nawawi (4th ed.)*. Dar Al-Hadith.
- Al-Syaukani. (1992). *Irsyād al-fuhul ila tahqīq 'ilm al-usūl*. Muassasat Al-Kutub Al-Thaqafiyah.
- Al-Zubaidi, M. M. A. H. (1965). *Tājul 'urus min jawāhir al-qāmus*. Matba'ah Hukumah.
- Azil, F. (2019, June 18). "LGBT: Tak perlu paksa Malaysia terima ideologi songsang - Tun Mahathir". *Berita Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lgbt-tak-perlu-paksa-malaysia-terima-ideologi-songsang-tun-mahathir-210321>
- Bahnasi, A. F. (1991). *Al-mausu'ah al-jinā'iyah fi al-fiqh al-islāmi*. Dar an-Nahdah.
- Berita Harian. (2024). "Thailand luluskan undang-undang perkahwinan sejenis". *Berita Harian*.  
<https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2024/03/1228753/thailand-luluskan-undang-undang-perkahwinan-sejenis>
- Bernamea. (2022, August 8). "Censorship of LGBT elements in films, social media to continue". *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2022/08/10/censorship-of-lgbt-elements-in-films-social-media-to-continue/>
- Haridi, N. H. B. M. (2016). Kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) ancaman terhadap keamanan dan keharmonian beragama di Malaysia. *Islam Realitas: Journal of Islamic & Social Studies*, 2(2), 211–218.
- Ibn Battal. (2003). *Syarh sahih al-Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (2005). *Fath al-bāri bi syarh sahih al-Bukhārī*. Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyat.
- Ibn Manzur. (2007). *Lisān al-'Arab*. Dar Sadir.
- Ibn Taimiyah. (1992). *Al-hajr al-syar'iy ma yahillu minhu wama yahrimu*. Riyadh: Maktabah Tobariah.
- Idris, A. R. (2023, March 8). "Sultan Selangor larang aktiviti LGBT di negeri ini". *Utusan online*.  
<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/sultan-selangor-larang-aktiviti-lgbt-di-negeri-ini/>

- Iskandar, P. W., & Parzi, M. N. (2015, July 24). "Program mukhayyam pulih golongan LGBT". Berita harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhayyam-pulih-golongan-lgbt>
- JAKIM. (2018, April 27). "Portal rasmi JAKIM". Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) <http://www.islam.gov.my/arkib-berita?id=590:iftar-bersama-komuniti-disayangi>
- Jamal, J., & Hashim, H. (2017). Transformasi bidang kuasa mahkamah syariah di Malaysia: Penilaian semula terhadap hukuman takzir. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 29(1), 38-71.
- Jefri, N. (2020, July 9). "Sajat perlu diberi kaunseling". Mymetro. <https://www.hmetro.com.my/rap/2020/07/598212/sajat-perlu-diberi-kaunseling>
- Kamarudin, F. (2019, March 12). "Himpunan LGBT: Polis sudah kenal pasti 7 individu". BH online. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/03/540142/himpunan-lgbt-polis-sudah-kenal-pasti-7-individu>
- Lokman Hakim, A. A. (2018, July 22). "LGBT: Jangan Melampau". Utusan Malaysia.
- Mat Salleh, M. K. (2024). *Ibrah Perang Tabuk*. Buletin Januari, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), 61, 3-5. eISSN 2600-8289.
- Mohd Ali, M. F. (2018, October 29). "Jumlah LGBT terus meningkat". Sinar harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim>
- Mohd Noor, F. (2023, March 18). "LGBT isu akidah, akhlak... kita kena tolak". My Metro Online. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/947151/lgbt-isu-akidah-akhlak-kita-kena-tolak>
- Muaz Abd As-Sattar. (2013). *Al-ta'zir wa al-'uqubah bil al-hajr fi asy-syari'ati al-islamiyyati*. Majallah Jami'ah al-Anbar lil 'Ulum al-Islamiah.
- Musa, A. (2018, September 29). "NGO tolak LGBT sebagai ikon program". Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2018/09/ngo-tolak-lgbt-sebagai-ikon-program/>
- Mustafa, I. (2008). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Dar Ihya' al-Turath.
- Pae, R., Abdul Rashid, R., Mamat, R., & Ahmand, N. (2023). Exploring Malaysian public universities Japanese language students' views on the effects of LGBT elements in anime and manga. *Journal of Nusantara Studies*, 8(2), 203-223.
- Rahmawati, R., Hartiwingsih, H., Rustamaji, M., Sulistiyanta, S., & Abdillah, M. (2023). Criminal law disparities against perpetrators of sexual violence against children based on Islamic law in Indonesia. *Al-Istinbat: Jurnal Hukum Islam*, 8(2), 667-697.
- Sheikh Salim, S. O. (2007). *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur.
- Sulistio, F., & Abdul Manap, N. (2017). Pornography and sexual crimes towards children in Indonesia: A judicial approach. *Brawijaya Law Journal*, 5(2), 261-70.
- Wan Nor Anas, W. N. I., Wan Khairuldin, W. M. K. F., & Ghazali, N. (2023). The application of sadd al-dharai' approach as a mechanism for the management of transgender issues in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 13(6), 1372-1378.
- Zakaria, N., & Dollah, M. Z. (2012). Fenomena LGBT di Malaysia. *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia*, 5, 163-190.